

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
(RANTAU PANJANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan hasil cukai dari kawasan bebas cukai Rantau Panjang dan apakah langkah penambahbaikan jangka pendek dan panjang untuk meningkatkan lagi manfaat kepada rakyat dan Kerajaan.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN:**

Seksyen 4, Akta Zon Bebas 1990 menyatakan barangan dan perkhidmatan yang dibawa masuk ke dalam Zon Bebas dikecualikan

daripada dikenakan duti kastam, duti eksais, cukai jualan dan cukai perkhidmatan.

Oleh itu, barangan yang dibawa masuk ke Kawasan Bebas Cukai Rantau Panjang yang telah diwartakan di bawah Jadual 1, Akta Zon Bebas 1990 tidak dikenakan duti/cukai yang dinyatakan.

Walau bagaimanapun, apabila barangan bercukai dibawa keluar daripada mana-mana Kawasan Bebas Cukai termasuk Kawasan Bebas Cukai Rantau Panjang ke Kawasan Utama Kastam (KUK), cukai akan dikenakan pada kadar yang ditetapkan. Pada tahun 2015, jumlah cukai yang dipungut di Zon Bebas Cukai Rantau Panjang oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah lebih kurang RM183,000.

Sebagai usaha memperkemas kawalan dan pentadbiran di Zon Bebas Cukai Rantau Panjang, beberapa pendekatan telah diambil. Salah satunya adalah dengan mengaktifkan penguatkuasaan bersepadu melalui penubuhan Jawatankuasa Bersama Kawalan Zon Bebas Rantau Panjang yang dianggotai oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Negeri Kelantan, Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) dan Pihak Berkuasa Zon Bebas Rantau Panjang yang telah dilantik.

Pelaksanaan sistem uCustoms yang dijadualkan bermula 1 Januari 2017

dijangka mampu menambah baik penyampaian perkhidmatan JKDM di semua Kawasan Bebas Cukai termasuk Kawasan Bebas Cukai Rantau Panjang melalui pengikraran barangan menggunakan sistem elektronik.